

12 FEB 2003

Najib-Calon

UMNO AKAN KAJI PRO DAN KONTRA UMUM CALON LEBIH AWAL, KATA NAJIB

PEKAN, 12 Feb (Bernama) -- Umno akan mengkaji kebaikan dan keburukan dalam mengumumkan lebih awal calon-calon pilihan raya termasuk calon bagi jawatan Menteri Besar Kelantan dan Terengganu.

Naib Presidennya Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata, perkara itu perlu dikaji kerana kedua-duanya mempunyai kelebihan dan keburukan.

Menurutnya, jika pengumuman calon dibuat lebih awal tetapi ianya ditentang atau tidak dapat diterima penyokong, maka ianya tidak akan menepati keputusan mengumumkannya awal.

Jika nama calon diumumkan terlalu lewat dan berlaku pula pertukaran di saat akhir maka ianya boleh menyebabkan keadaan tidak menentu dan menimbulkan kesan negatif di kalangan penyokong parti.

"Tapi yang penting sekali ialah calon yang kita pilih adalah calon yang berwibawa, dalam erti kata boleh menang dalam pilihan raya kerana kepimpinan dan kebolehannya serta akhlak yang baik.

"Pokoknya sama ada, kita umum awal ataupun kemudian, calon perlu diterima dan disokong bulat-bulat oleh ahli parti," katanya selepas majlis korban sempena Hari Raya Aidiladha di Pulau Tambun, Kuala Pahang di sini, hari ini.

Akhbar hari ini melaporkan Umno mungkin menamakan lebih awal calon bakal Menteri Besar Kelantan dan Terengganu dalam usaha Barisan Nasional (BN) menawan semula dua negeri itu pada pilihan raya umum akan datang.

Presidennya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, cadangan itu serta saranan supaya senarai calon pilihan raya di Kelantan diumumkan lebih awal akan dipertimbangkan.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri beliau ingin mengetahui lebih lanjut dan khusus berapa lama tempoh awal yang dimaksudkan itu.

Sementara itu Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata, sehingga kini tidak ada laporan mengenai sebarang kejadian semasa Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) membuat rondaan di perairan Pulau Batu Puteh.

"Tiada kejadian negatif, tiada ketegangan sebab kita masuk dengan cara yang tidak agresif.

Najib berkata, pihaknya tidak menentukan jarak rondaan TLDM dengan pulau itu, tetapi menyerahkan kepada komander kapal berkenaan untuk menentukannya.

Akhbar hari ini melaporkan walaupun isu tuntutan Pulau Batu Puteh menimbulkan ketegangan hubungan antara Malaysia dan Singapura sebelum ini ia tidak menghalang TLDM daripada membuat rondaan di perairan pulau berkenaan.

Dalam satu rondaan baru-baru ini, beberapa kapal TLDM begitu hampir dengan kedudukan Pulau Batu Puteh meskipun kapal-kapal Tentera Laut Singapura (RSN) mengadakan rondaan rapi seperti biasa di kawasan berkenaan.

-- BERNAMA

HIS PR